

# SIARAN MEDIA

*Untuk Siaran Segera*

## CIDB MALAYSIA RAIKAN PROJEK-PROJEK TERBAIK QCLASSIC DAN SHASSIC

**13 projek mendapat markah QCLASSIC 85 peratus dan ke atas, 40 projek perolehi 5 bintang SHASSIC**

**Kuala Lumpur, (14 Disember 2021):** Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia hari ini meraikan syarikat-syarikat pembinaan yang berjaya mencapai skor yang tinggi dalam penilaian QCLASSIC dan SHASSIC di sebuah majlis yang diadakan di Pusat Konvensyen CIDB Malaysia, Cheras.

Hari QCLASSIC serta hari SHASSIC merupakan acara tahunan yang dianjurkan oleh CIDB untuk mengiktiraf penggiat industri yang mencapai kecemerlangan dalam kualiti pembinaan serta keselamatan pekerja dan pengguna dengan melaksanakan penilaian Sistem Penilaian Keselamatan dan Kesihatan Industri Pembinaan (SHASSIC) dan Sistem Penilaian Kualiti dalam Pembinaan (QCLASSIC). Ini adalah sebuah inisiatif CIDB untuk memartabatkan sektor pembinaan tempatan dengan meningkatkan kualiti kerja serta memastikan keadaan kerja yang selamat.

Majlis tersebut telah dirasmikan oleh Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Datuk Arthur Joseph Kurup yang turut menyampaikan pengiktirafan kepada syarikat yang terlibat. Turut hadir adalah Datuk Ir. Ahmad 'Asri bin Abdul Hamid, Ketua Eksekutif CIDB Malaysia.

"Penilaian SHASSIC serta QCLASSIC akan memastikan kualiti bahan-bahan dan *workmanship* kontraktor, serta keselamatan dan kesihatan para pekerja, di mana ia akan memberi keyakinan kepada orang ramai terhadap kualiti kerja pembinaan. Keutamaan kepada kualiti pembinaan serta keselamatan kerja akan menjadi faktor utama untuk menjadikan industri pembinaan Malaysia satu industri yang bertaraf dunia, kompetitif dan mampan," kata Datuk Ahmad 'Asri.

SHASSIC merupakan kaedah untuk menilai keselamatan dan kesihatan di tempat kerja pembinaan atau tapak binaan. Manakala QCLASSIC adalah tanda aras kualiti

hasil kerja dalam pembinaan bangunan. QLASSIC juga digunakan sebagai kriteria mengukur prestasi kontraktor bagi pematuhan taraf kualiti.

Untuk tahun 2020, purata skor penilaian QLASSIC telah meningkat berbanding tahun 2019, iaitu daripada 69 peratus kepada 71 peratus. Pada tahun 2020 sebanyak 13 projek pembinaan yang telah mendapat skor 85 peratus ke atas berbanding 3 projek pembinaan pada tahun 2019. Trend projek yang mendapat skor QLASSIC 85 peratus dan ke atas dilihat terus meningkat sejak QLASSIC dilaksanakan. Skor tertinggi yang dicapai untuk QLASSIC sehingga tahun 2020 adalah 90 peratus.

Pada tahun 2020, jumlah penilaian SHASSIC di tapak bina kurang daripada jumlah penilaian projek pada tahun 2019. Oleh kerana negara berdepan dengan pandemik dan banyak projek tergendala akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), penilaian hanya dilaksanakan untuk 100 projek berbanding 352 projek pada tahun 2019. Daripada jumlah itu, 40 projek berjaya mencapai taraf 5 bintang iaitu mencapai peratusan skor 90 ke atas.

YB Datuk Arthur Joseph Kurup menggesa para penggiat industri pembinaan agar terus menggunakan penilaian QLASSIC dan SHASSIC ke atas projek-projek pembinaan yang dilaksanakan kerana ini boleh mewujudkan kualiti hasil kerja pembinaan yang tinggi dan menjamin keselamatan di samping memacu pertumbuhan sektor pembinaan.

“Untuk Malaysia mencapai status negara maju, negara kita memerlukan peningkatan komitmen kaedah pembinaan yang lebih berkualiti, selamat dan lebih mampan. Ini bukan sahaja membolehkan kita berjaya di peringkat domestik, malah ia menunjukkan keupayaan kita untuk bersaing di peringkat global”, katanya.

Untuk maklumat lanjut mengenai SHASSIC dan QLASSIC, sila layari:  
[www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my)

#####

---

### Mengenai CIDB Malaysia

Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) ditubuhkan menerusi Akta Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan 1994 (Akta 520) bagi membina kapasiti dan kapabiliti industri pembinaan melalui peningkatan kualiti dan produktiviti dengan memberi penekanan kepada profesionalisme, inovasi dan pengetahuan ke arah kehidupan yang berkualiti.

---